

Berkenan rasmikan pameran, pelancaran buku UNISSA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan merasmikan Pelancaran Buku-buku Terbaharu Terbitan UNISSA.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 September. - Sebagai sebuah Universiti Islam yang terunggul di Negara Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berusaha menggembeng tenaga untuk menampilkan para belia Institusi Pengajian Tinggi (IPT), khasnya mahasiswa dan mahasiswi UNISSA bagi sama-sama menjayakan acara Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA.

Keterlibatan para mahasiswa dan mahasiswi diharap akan dapat memangkin semangat patriotik dalam jati diri mereka agar terus memberikan komitmen yang jitu dan padu demi pembangunan agama, bangsa dan negara.

Mahrajan Hafl Al-Takharruj kali ini diserikan dengan keberangkatan Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UNISSA ke Majlis Perasmian Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, selaku Pengerusi Majlis UNISSA; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Timbalan Pengerusi Majlis UNISSA; dan Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya berkenan mengurniakan sabda perasmian bagi Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA.

Sejurus selepas itu, DYTMM berkenan berangkat menyaksikan galeri Pameran Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA di Dewan Persidangan Utama.

Pameran kali ini mencerminkan maksud tema Mahrajan Hafl

Al-Takharruj Ke-8 tahun, iaitu 'Belia Berkepimpinan Menjayakan Wawasan Negara', yang mana pemilihan tema tersebut adalah untuk memartabatkan belia dan menonjolkan sumbangan belia UNISSA dalam merealisasikan Wawasan Negara 2035 yang memfokuskan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; kehidupan rakyat yang berkualiti; dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Antara pameran yang dibarigakan ialah menentengahkan tokoh belia Islam di zaman kegemilangan Islam; seperti Imam al-Syaf'i'e, Imam al-Bukhari, Ibn Sina, Al-Khawarizmi.

DYTM juga menyaksikan wajah Tokoh-tokoh Kepimpinan Negara Brunei Darussalam yang mengembangkan Syiar seperti Sultan Sharif Ali sebagai pengukuh ugama Islam, Sultan Hassan menggubal hukum kanun, Sultan Omar 'Ali Saifuddin dikenali sebagai

Arkitek Moden Brunei, tidak ketinggalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang memberikan sumbangan terhadap ekonomi Brunei serta Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Haji Md. Zain bin Haji Scrudin.

Seterusnya DYTMM juga menyaksikan sumbangan Tokoh Belia Tanah Air seperti Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari; Awang Khairul Nazif bin Haji Damit dan Awang Mohamad Iqbal bin Haji Damit.

Ke muka 10



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berinteraksi bersama salah seorang Tokoh Belia Tanah Air, Awang Khairul Nazif bin Haji Damit (kiri), manakala gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mendengarkan sembah penerangan dan menyaksikan galeri Pameran Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA di Dewan Persidangan Utama.